

# Amalan dan Masalah Pendekatan Pengajaran Terbeza Berpandukan MoLIB oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kebangsaan

*(Practices and Problems of Differentiated Teaching Approach Based on MoLIB by Malay Language Teachers of National Primary School)*

Jessica Michael<sup>1\*</sup>, Zamri Mahamod<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Sekolah Kebangsaan Catholic English (M), Kuching, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [p111245@siswa.ukm.edu.my](mailto:p111245@siswa.ukm.edu.my)

Accepted: 15 February 2023 | Published: 1 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.1>

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka amalan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Tahap 1 sekolah rendah kebangsaan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan pensampelan secara bertujuan. Seramai enam orang guru yang mengajar Bahasa Melayu Tahap 1 dari enam buah sekolah rendah kebangsaan dipilih sebagai peserta kajian. Lokasi sekolah-sekolah peserta-peserta kajian ini adalah di tiga buah sekolah rendah luar bandar dan tiga buah sekolah rendah bandar di Kuching, Sarawak. Alat pengumpulan data kajian ini ialah secara temu bual yang kemudiannya dianalisis mengikut pengenalpastian tema-tema yang wujud berdasarkan transkripsi temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu Tahap 1 di sekolah rendah kebangsaan mengamalkan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB dalam PdP Bahasa Melayu pada tahap yang tinggi demi meningkatkan kefahaman murid pelbagai aras pembelajaran. Kesediaan dan kreativiti guru dari segi perancangan serta pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam bilik darjah mampu meningkatkan penguasaan murid dalam PdP Bahasa Melayu. Namun begitu, terdapat masalah yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Melayu Tahap 1 di sekolah rendah kebangsaan dalam melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza dengan efisien dan konsisten. Kesimpulannya, pendekatan pengajaran terbeza ini relevan diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai profil pembelajaran serta meningkatkan penguasaan murid mengikut gaya pembelajaran murid secara holistik.

**Kata kunci:** pendekatan pengajaran terbeza, Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza, guru Bahasa Melayu Tahap 1, pendekatan pengajaran, sekolah rendah kebangsaan

**Abstract:** This research was conducted to explore the practices of the differentiated teaching approach based on the Focused and Differentiated Intervention Training Module (MoLIB) and the problems faced by Level 1 Malay language teachers in national primary schools during the teaching and learning (TAL) of Malay Language. The design of this research is qualitative with purposive sampling. A total of six teachers who teach Malay Language Level 1 in six national primary schools were selected as research participants. The locations of the schools

of research participants are three rural primary schools and three urban primary schools in Kuching, Sarawak. The data collection tool of this research is via interviews which are then analysed according to the identification of themes that exist based on the transcription of the interviews. The findings of the research show that Level 1 Malay Language teachers in national primary schools practice the differentiated teaching approach based on the MoLIB in Malay Language TAL at a high level to improve the understanding of students at various learning levels. The teacher's readiness and creativity in planning and implementing differentiated teaching approaches in the classroom can increase students' mastery of the Malay Language. However, there are problems faced by Malay Language Level 1 teachers in national primary schools in implementing differentiated teaching approaches efficiently and consistently. In conclusion, this differentiated teaching approach is relevantly applied in Malay Language TAL to meet the needs of students with various learning profiles as well as improve students' mastery according to students' learning styles holistically.

**Keywords:** differentiated teaching approach, Focused and Differentiated Intervention Training Module, Malay Language Level 1 teacher, teaching approach, national primary school

---

## 1. Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia semakin berkembang sejajar dengan era globalisasi kini. Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius terhadap anjakan paradigma sistem pendidikan negara kita demi kemenjadian murid secara holistik. 11 anjakan utama yang menjadi inti pati dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2023-2025) menjadi panduan sebagai penggerak sistem pendidikan negara demi meningkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia. Antara implikasi utama pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 terhadap murid ialah murid boleh belajar dan berjaya tanpa mengira latar belakang atau pencapaian sebelumnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Di samping itu, Program Transformasi Sekolah (TS25) dilaksanakan bagi merealisasikan kemenjadian murid dan sekolah yang bermutu melalui pengaplikasian amalan terbaik terutamanya dari aspek pedagogi guru. Semua tenaga kerja pendidikan bekerjasama dalam melestarikan keberhasilan yang ingin dicapai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Pendekatan pengajaran terbeza diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara sebagai satu pendekatan atau kaedah PdP bagi meningkatkan penguasaan murid dalam sesuatu mata pelajaran. Pendekatan pengajaran terbeza atau dikenali sebagai *Differentiated Instruction* atau *Differentiated Learning* ialah pendekatan yang merujuk kepada gaya pembelajaran murid dan hak belajar secara adil dan sama rata (Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin, 2018). Menurut Abd. Khahar Saprani et al. (2018), pengajaran terbeza sangat sesuai diimplementasikan dalam kalangan guru kerana guru dapat mengubah suai kandungan pelajaran bergantung kepada gaya belajar murid. Hal ini demikian kerana sesebuah bilik darjah terdiri daripada jumlah murid yang besar dan berbeza dari pelbagai aspek misalnya budaya, jantina serta tempat tinggal (Abdul Razaq et al. 2010). Selain merancang pengajaran mengikut kepelbagaian latar belakang murid, guru dapat mencapai objektif pembelajaran semasa PdP dijalankan.

Bagi meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Melayu terutamanya di bangku sekolah rendah, KPM melaksanakan satu program iaitu Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) mulai tahun 2020. Dengan demikian, MoLIB dibina untuk membantu para guru Bahasa Melayu dan Matematik di sekolah rendah bagi mencapai tujuan PLaN. Institut Pendidikan Guru Malaysia menjadi penggerak PLaN yang bertunjangan pendekatan pengajaran terbeza bagi membantu para guru mencapai kemenjadian dalam kalangan kumpulan sasaran iaitu murid Tahun 2 dan murid Tahun 3 (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2020).

MoLIB menjadi panduan bagi guru merancang dan melaksanakan PdP yang berkesan dan bermakna bagi subjek Bahasa Melayu Tahap 1 sekolah rendah. MoLIB mencadangkan tiga aspek pengajaran guru iaitu terbeza proses, terbeza produk dan terbeza kandungan yang juga sejajar dengan konsep model pengajaran terbeza oleh Tomlinson (1999). Aspek terbeza proses bermaksud cara guru melaksanakan aktiviti yang berbeza mengikut tahap pembelajaran murid agar murid dapat menggunakan kemahiran sendiri berdasarkan idea utama. Manakala, aspek terbeza produk merujuk kepada hasil kerja murid yang berbeza. Seterusnya, aspek terbeza kandungan merangkumi isi pembelajaran, pengetahuan serta kemahiran yang diajar kepada murid dengan keterbezaan berdasarkan tahap penguasaan murid. Oleh itu, pendekatan pengajaran terbeza perlu dititikberatkan dan diterapkan dalam PdP Bahasa Melayu bagi meningkatkan penglibatan semua murid serta memenuhi keperluan pembelajaran murid (Siti Aishah Hassan dan Che Suriani Kiflee, 2018).

## 2. Pernyataan Masalah

Penguasaan kemahiran Bahasa Melayu penting bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan kompetensi diri murid seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Walau bagaimanapun, pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru bagi memenuhi hasrat FPK.

Antara masalah yang utama yang menjurus kepada kewujudan kajian ini adalah ketidaksediaan guru dalam PdP di dalam bilik darjah yang mempunyai kepelbagaian aras pembelajaran murid. Pernyataan ini disokong oleh Danial Arif (2020) dan Ain Nur Atika (2021) yang menyatakan bahawa guru yang tidak bersedia dalam pengajaran kelas yang pelbagai upaya murid akan memberi impak terhadap kualiti PdP.

Masalah yang seterusnya ialah terhadnya ilmu pedagogi berkaitan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru. Hujah ini disokong oleh kajian Mohd Izani Hashim dan Wan Muna Ruzanna (2020) yang menyatakan guru-guru tidak mendapat latihan yang secukupnya berkaitan kelas bercampur aras pembelajaran murid. Sekiranya masalah ini tidak diatasi, maka kualiti pengajaran guru turut terkesan (Nurahimah Mohd, Mohd Izam dan Mohd Isha, 2017). Selain itu, sikap guru yang tidak cekap dalam melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza juga menjadi sebahagian masalah yang menjurus kepada adanya kajian ini. Menurut Dixon et al. (2014), guru yang kurang cekap tidak akan melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza dengan cara yang berkesan. Sekiranya pengajaran guru tidak dapat memenuhi keperluan pembelajaran murid, tumpuan murid semasa PdP akan berkurangan kerana murid berasa bosan dan tidak bermotivasi untuk belajar (Safiek Mokhlis, 2021). Maka, guru memerlukan panduan dalam pengendalian kepelbagaian murid dalam sesebuah bilik darjah supaya guru lebih cakna akan keperluan perbezaan murid (Ziernwald et al., 2022; Santangelo & Tomlinson, 2009).

Pengkaji mendapati belum ada kajian yang dilaksanakan berkaitan dengan amalan dan masalah berpandukan MoLIB di sekolah rendah kebangsaan. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji amalan dan masalah pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB dalam kalangan guru Bahasa Melayu Tahap 1 di sekolah rendah kebangsaan.

## 3. Objektif Kajian

Objektif kajian yang menjadi tunjang bagi kajian ini adalah:

- 1) Meneroka amalan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB dalam kalangan guru Bahasa Melayu Tahap 1 dalam PdP Bahasa Melayu.
- 2) Meneroka masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Tahap 1 dalam pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB dalam PdP Bahasa Melayu.

## 4. Metodologi

### 4.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes secara kualitatif dengan pensampelan secara bertujuan. Penetapan kaedah kualitatif dalam kajian ini bagi meneroka secara mendalam terhadap amalan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Tahap 1 Sekolah Rendah Kebangsaan.

### 4.2 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di enam buah sekolah rendah kebangsaan di daerah Kuching, Sarawak. Sekolah-sekolah rendah ini terletak di kawasan bandar dan juga kawasan luar bandar. Kajian ini melibatkan guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar murid Tahun 2 dan Tahun 3 sekolah-sekolah rendah kebangsaan ini. Pemilihan sekolah-sekolah rendah di daerah Kuching, Sarawak ini bersesuaian kerana kajian ingin meneroka amalan pendekatan pengajaran terbeza dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Tahap 1 di sekitar Kuching, Sarawak.

### 4.3 Sampel Kajian

Dalam kajian ini, kaedah pensampelan bertujuan digunakan dalam pemilihan peserta kajian. Peserta-peserta kajian terdiri daripada enam orang guru Bahasa Melayu Tahap 1 dari tiga buah sekolah rendah kebangsaan kategori luar bandar manakala tiga buah sekolah rendah kebangsaan kategori bandar di sekitar Kuching, Sarawak. Sebagai memenuhi ciri kerahsiaan peserta kajian yang terlibat, peserta-peserta kajian dilabelkan sebagai PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6. Pengekodan ini bertujuan untuk memenuhi prinsip *nonmaleficence*.

### 4.4 Kaedah Kajian dan Pengumpulan Data

Kajian ini merupakan kajian kes berbentuk kualitatif. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk meneroka pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Tahap 1 di sekolah rendah kebangsaan. Temu bual dilaksanakan bagi mengumpul data peserta-peserta kajian. Enam orang guru Bahasa Melayu ditemu bual untuk mendapatkan maklumat yang relevan berkaitan dengan kajian.

### 4.5 Instrumen Kajian Temu Bual

Instrumen temu bual telah dipilih bagi meneroka amalan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar murid-murid Tahap 1 serta masalah-masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Tahap 1 di sekolah rendah kebangsaan. Kaedah temu bual terhadap enam orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah kebangsaan dijalankan bagi meneroka pengetahuan dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam PdP Bahasa Melayu Tahap 1. Selain itu, temu bual ini juga memberi peluang kepada peserta-peserta kajian untuk memberi cadangan penambahbaikan terhadap MoLIB dan sebagainya demi meningkatkan mutu penggunaan MoLIB dalam PdP Bahasa Melayu Tahap 1. Bagi kajian itu, temu bual secara semi struktur digunakan bagi menemu bual keenam-enam peserta kajian.

## 5. Dapatan Kajian

### 5.1 Demografi Peserta Kajian

Berdasarkan Jadual 1, keenam-enam peserta kajian (PK) merupakan guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar murid Tahap 1 iaitu murid-murid dari kelas Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3. Seramai 3 orang guru perempuan dan 3 orang guru lelaki Bahasa Melayu dipilih untuk menjadi peserta kajian. Seramai 3 orang guru Bahasa Melayu Tahap 1 mengajar di sekolah rendah

kebangsaan kategori luar bandar, manakala 3 orang guru mengajar di sekolah rendah kebangsaan kategori bandar.

**Jadual 1: Profil Peserta Kajian**

Peserta Kajian (PK)	Jantina	Umur	Pengalaman Mengajar Bahasa Melayu	Opsyen	Kawasan Sekolah	Kelas Bahasa Melayu Yang Diajar
PK1	Lelaki	56 tahun	32 tahun	Bahasa Melayu	Bandar	Tahun 2
PK2	Perempuan	46 tahun	22 tahun	Bahasa Melayu	Bandar	Tahun 1 dan Tahun 2
PK3	Perempuan	30 tahun	7 tahun	Bahasa Melayu	Bandar	Tahun 2 dan Tahun 3
PK4	Lelaki	36 tahun	12 tahun	Bahasa Melayu	Luar Bandar	Tahun 1 dan Tahun 3
PK5	Perempuan	54 tahun	30 tahun	Bahasa Melayu	Luar Bandar	Tahun 1 dan Tahun 2
PK6	Lelaki	30 tahun	7 tahun	Bahasa Melayu	Luar Bandar	Tahun 2 dan Tahun 3

## 5.2 Meneroka amalan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu Tahap 1

Pendekatan merujuk kepada cara bagaimana guru menyampaikan isi pembelajaran kepada murid-murid agar objektif pembelajaran dapat dicapai. Hal ini demikian kerana guru adalah jentera utama dalam memastikan proses pendidikan berjalan mengikut hala tuju yang diimpikan (Mohd Asnorhisham, 2017). Oleh sebab itu, temu bual dijalankan untuk meneroka amalan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB dalam kalangan guru Bahasa Melayu Tahap 1. Hasil analisis data temu bual keenam-enam peserta kajian, enam tema utama berkaitan amalan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB dalam kalangan guru Bahasa Melayu Tahap 1 dapat diperincikan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Tema Amalan dan Sub-Subtema Yang Didapati Melalui Temu Bual**

Tema	Sub-subtema	Peserta Kajian						Jumlah
		PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6	
Aspek Pengajaran Terbeza Yang Kerap Dilaksanakan Semasa PdP Bahasa Melayu	Terbeza Proses	/	/	/	/	/	/	6
	Terbeza Kandungan	/	/	/	/	/	/	6
	Terbeza Produk	/	/	x	/	/	x	4
Bilangan kekerapan dalam Seminggu mengaplikasikan Pendekatan Pengajaran Terbeza dalam PdP Bahasa Melayu	Dua Kali Seminggu	/	x	x	x	x	/	2
	Tiga Kali Seminggu	x	/	/	/	/	x	4
Penerangan Langkah Pengajaran	Secara kelas sahaja	x	x	x	x	/	/	2
	Secara kelas kemudian mengikut kumpulan aras murid	/	/	/	/	x	x	4
Kaedah Guru Mengenal pasti Tahap Penguasaan Murid	Melalui Aktiviti Pembelajaran	/	/	/	/	/	/	6

	Melalui Keupayaan Murid Memberi Respon semasa PdP Bahasa Melayu	/	/	x	x	/	/	4
	Melalui Hasil Kerja Murid	/	/	/	/	/	/	6
Bahan sokongan yang lain digunakan selain berpandukan MoLIB	Bahan Bantu Mengajar Berbentuk Video	/	/	/	/	/	/	6
	Lembaran Kerja	/	/	/	/	/	/	6
	Kuiz dalam Laman Interaktif	x	x	/	/	x	/	3
Pendekatan Pengajaran Terbeza berpandukan MoLIB dapat meningkatkan Tahap Penguasaan Murid dalam PBD	Setuju	/	/	/	/	/	/	6
	Tidak Setuju	x	x	x	x	x	x	0

### Tema 1: Aspek Pengajaran Terbeza yang Kerap Diamalkan dalam PdP Bahasa Melayu

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, keenam-enam peserta kajian menyatakan aspek pengajaran terbeza yang kerap diamalkan dalam PdP Bahasa Melayu adalah dari aspek terbeza proses dan terbeza kandungan. Berikut merupakan pendapat PK2, PK4 dan PK6 berkaitan aspek pengajaran terbeza yang diimplementasi oleh peserta-peserta kajian dalam PdP Bahasa Melayu.

*“...Saya selalu amalkan terbeza proses dan kandungan dalam PdP Bahasa Melayu berpandukan MoLIB ...”.* (PK2)

*“...Saya lebih terbiasa menerapkan terbeza proses dan kandungan terutama dalam kemahiran membaca...”.* (PK4)

*“...Saya akan menggunakan bahan yang sama tetapi aras berbeza mengikut kesediaan dan kebolehan murid...”.* (PK6)

### Tema 2: Bilangan Kekkerapan dalam Seminggu Mengaplikasikan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam PdP Bahasa Melayu

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, keenam-enam peserta kajian menyatakan kekerapan mereka mengaplikasikan pendekatan pengajaran terbeza dalam PdP Bahasa Melayu Tahap 1. Misalnya, PK1 dan PK6 mengaplikasikan pendekatan tersebut sebanyak dua kali dalam seminggu. Manakala, PK2, PK3, PK4 dan PK5 mengimplementasikan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB sebanyak tiga kali seminggu. Berikut merupakan temu bual berkaitan bilangan kekerapan pendekatan pengajaran terbeza oleh PK1 dan PK6.

*“...Saya mengajar mengikut pengajaran terbeza sekurang-kurangnya dua kali seminggu kerana saya merasakan masa tidak cukup untuk sediakan semuanya. Hari lain saya guna pendekatan yang lain...”.* (PK1)

*“...Saya ajar dua kali seminggu. Susah untuk saya ajar setiap hari sebab penyediaan bahan itu memerlukan masa....”.* (PK6)

### Tema 3: Penerangan Langkah Pengajaran

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, terdapat dua cara peserta-peserta kajian memberi penerangan dalam langkah pengajaran kepada murid-murid semasa PdP dijalankan. Misalnya, PK5 dan PK6 mengaplikasikan penerangan langkah pengajaran secara kelas sahaja. Manakala, PK1, PK2, PK3 dan PK4 memberi penerangan langkah pengajaran secara kelas kemudian mengikut kumpulan aras murid iaitu asas, sederhana dan tinggi. Berikut merupakan temu bual berkaitan penerangan langkah pengajaran oleh PK3 dan PK5.

*“...Saya akan terangkan secara kelas kemudian secara kumpulan...Supaya murid lebih jelas dengan arahan saya...”. (PK3)*

*“...Saya akan terangkan secara kelas sahaja kerana memerlukan masa jika jelaskan kepada seorang demi seorang mengikut tahap kebolehan murid...”. (PK5)*

#### **Tema 4: Kaedah Guru Mengenal Pasti Tahap Penguasaan Murid**

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, terdapat tiga kaedah yang dijalankan oleh peserta-peserta kajian bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam bilik darjah. Misalnya, keenam-enam peserta kajian mengenal pasti penguasaan murid mereka melalui aktiviti pembelajaran. Manakala, empat orang peserta kajian iaitu PK1, PK2, PK5 dan PK6 mengenal pasti tahap penguasaan murid melalui keupayaan murid memberi respon semasa PdP Bahasa Melayu Tahap 1. Di samping itu, keenam-enam peserta kajian mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam bilik darjah melalui hasil kerja murid. Berikut merupakan temu bual berkaitan kaedah guru mengenal pasti tahap penguasaan murid oleh PK2 dan PK6.

*“...Saya dapat kenal pasti tahap penguasaan murid dalam kemahiran membaca, menulis dan memahami isi pembelajaran...”. (PK2)*

*“...Keupayaan murid memberi respon dalam PdPc...dan juga melalui hasil kerja mereka... yang membantu saya untuk kenal pasti tahap penguasaan murid...”. (PK6)*

#### **Tema 5: Bahan Sokongan yang Lain Digunakan Selain Berpandukan MoLIB**

Terdapat tiga bahan sokongan yang lain digunakan oleh peserta-peserta kajian selain berpandukan MoLIB. Misalnya, keenam-enam peserta kajian ini memilih untuk menggunakan BBM berbentuk video dan lembaran kerja. Manakala, hanya tiga orang peserta kajian iaitu PK3, PK4 dan PK6 yang memilih kesemua bahan sokongan iaitu BBM berbentuk video, lembaran kerja dan kuiz dalam laman interaktif. Dua orang peserta kajian yang ditemu bual, iaitu PK3 dan PK4 menyatakan bahawa peserta-peserta kajian ini memerlukan bahan sokongan yang lain selain berpandukan MoLIB iaitu bantu mengajar (BBM) berbentuk video, kuiz dalam laman interaktif dan lembaran kerja. Berikut merupakan temu bual bersama PK3 dan PK4 berkaitan komen tersebut.

*“...Saya memilih untuk menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) berbentuk video dan lembaran kerja...”. (PK3)*

*“...Saya gunakan bahan sokongan lain iaitu lembaran kerja, kuiz dalam talian, video dalam PdPc Bahasa Melayu...”. (PK4)*

#### **Tema 6: Pendekatan Pengajaran Terbeza Berpandukan MoLIB dapat Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)**

Berdasarkan temu bual bersama-sama keenam-enam peserta kajian, kesemuanya setuju bahawa pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB dapat meningkatkan tahap penguasaan murid dalam PBD. Hal ini sejajar dengan kajian Roa'ani Mohamed dan Nor Rul Azlifah (2019) yang menyatakan bahawa terdapat perubahan yang ketara terhadap murid apabila menggunakan pendekatan pengajaran terbeza sehingga murid faham dan lebih aktif menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru. Dua peserta kajian yang ditemu bual, iaitu PK2 dan PK5 menyatakan bahawa pengajaran terbeza berpandukan MoLIB berjaya meningkatkan tahap penguasaan murid dari aras kemampuan asas ke aras kemampuan sederhana. Berikut merupakan pendapat PK2 dan PK5.

“...Pendekatan ini bagus bagi saya kerana tahap penguasaan murid saya dapat meningkat dari aras asas kepada aras sederhana...”. (PK2)

“...Murid pelbagai aras, sehingga ada yang meningkat pencapaiannya...pengajaran terbeza berpandukan MoLIB ini dapat membantu saya untuk membuat pentaksiran khususnya PBD...”. (PK5)

### 5.3 Meneroka Masalah yang Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu Tahap 1 dalam Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Berpandukan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu

Masalah merupakan sesuatu keadaan yang boleh menyebabkan seseorang mengalami kesukaran (Ain Nur Atika, 2021). Hasil analisis data temu bual enam peserta kajian tersebut, tiga tema utama berkaitan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Tahap 1 dalam amalan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB dalam PdP Bahasa Melayu yang dapat diperincikan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tema Masalah dan Sub-Subtema Yang Didapati Melalui Temu Bual

Tema	Sub-subtema	Peserta Kajian						Jumlah
		PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6	
Masalah Sebelum Pendekatan Pengajaran Terbeza Diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu	Penyediaan bahan bantu mengajar yang banyak	/	/	/	/	/	/	6
	Masa penyediaan bahan yang lama	/	/	/	/	/	/	6
Masalah Semasa Pendekatan Pengajaran Terbeza Diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu	Masa tidak mencukupi untuk membimbing murid aras asas dan sederhana	/	/	/	x	x	/	4
	Bilangan murid yang ramai dalam satu kelas	/	/	/	x	x	/	4
Refleksi/ Tindakan Guru Selepas Pendekatan Pengajaran Terbeza Diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu	Menambah baik perancangan PdP Bahasa Melayu sesi akan datang	/	/	/	/	/	/	6
	Intervensi bagi membantu murid yang belum mencapai tahap penguasaan minimum	x	/	x	/	/	/	4

#### Tema 1: Masalah Sebelum Pendekatan Pengajaran Terbeza diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, keenam-enam peserta kajian menyatakan terdapat masalah dari segi penyediaan bahan bantu mengajar yang banyak dan masa penyediaan bahan yang lama. Berikut merupakan pendapat PK1 dan PK3 berkaitan masalah sebelum pendekatan pengajaran terbeza diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi temu bual pengkaji dengan PK1 dan PK3 di bawah iaitu:

“...Saya menghadapi masalah iaitu perlu menyediakan banyak aktiviti untuk pelbagai aras murid dan memerlukan masa yang lama dari segi penyediaan...”. (PK1)

“...Saya menghadapi masalah iaitu masa yang tidak mencukupi persediaan BBM untuk tiga aras kumpulan...”. (PK3)



## **Tema 2: Masalah Semasa Pendekatan Pengajaran Terbeza diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu**

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, keenam-enam peserta kajian menyatakan terdapat masalah semasa pendekatan pengajaran terbeza diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu. Berikut merupakan pendapat PK1, PK2, PK3 berkaitan masalah semasa pendekatan pengajaran terbeza diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi temu bual pengkaji dengan PK1, PK2 dan PK3 di bawah iaitu:

*“...Masalah saya ialah masa yang tidak mencukupi untuk membimbing murid aras rendah dan sederhana ...”.* (PK1)

*“...Bilangan murid yang ramai dalam satu kelas menyukarkan saya menggunakan pendekatan ini...”.* (PK2)

*“...Masalah saya ialah kadang-kadang saya tiada idea untuk ajar sehingga 3 aras kumpulan pada masa yang sama ...”.* (PK3)

## **Tema 3: Refleksi atau Tindakan Guru Selepas Pendekatan Pengajaran Terbeza Diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu**

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, keenam-enam peserta kajian menyatakan refleksi atau tindakan guru selepas pendekatan pengajaran terbeza diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu. Berikut merupakan pendapat PK4 dan PK5 berkaitan tindakan guru.

*“...Guru perlu menambah baik perancangan PdP Bahasa Melayu pada masa akan datang ...”.* (PK4)

*“...Guru perlu jalankan intervensi untuk bantu murid kita untuk capai tahap penguasaan minimum...”.* (PK5)

## **6. Perbincangan Kajian**

### **6.1 Amalan Pendekatan Pengajaran Terbeza Guru-Guru Bahasa Melayu Tahap 1**

Apabila diamati dengan lebih mendalam, guru-guru Bahasa Melayu Tahap 1 menunjukkan senario sebenar dunia pendidikan iaitu dengan adanya pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB walaupun MoLIB baru sahaja berkembang di Sarawak. Guru juga dapat berkongsi amalan terbaik dalam PdP mereka sejajar dengan pendapat Geviana Gladyssha dan Nurfaradilla Mohamad (2021) agar kualiti pendidikan sejagat meningkat menelusuri arus pemodenan semasa. Di samping itu, pelaksanaan pendekatan terbeza dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu Tahap 1 adalah pada tahap yang tinggi berdasarkan hasil kajian. Guru-guru bersedia melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza sekurang-kurangnya dua kali hingga tiga kali seminggu dalam minggu persekolahan. Hal ini demikian kerana guru memiliki kreativiti masing-masing untuk mempelbagaikan pendekatan pengajaran selain daripada mengaplikasikan pendekatan pengajaran terbeza agar pemikiran murid lebih berkembang secara holistik. Misalnya, seorang guru boleh mengaplikasikan pendekatan pengajaran terbeza, pendekatan modular bertema dan juga pendekatan beradun dan sebagainya demi meningkatkan kemampuan murid yang pelbagai kecerdasan.

Berdasarkan hasil kajian, guru-guru Bahasa Melayu Tahap 1 memberi penerangan dalam langkah pengajaran kepada murid-murid semasa PdP dijalankan. Guru-guru bersedia untuk menerangkan sesuatu langkah pengajaran secara kelas dan kemudian mengikut kumpulan areas murid. Scenario ini menunjukkan bahawa tingginya efikasi diri guru demi membantu murid mencapai objektif pembelajaran (Ng Lee, Hazura Abdul & Zubaidah Selamat, 2020). Seajar dengan kajian Tulbure (2021) yang bersetuju bahawa murid menunjukkan impak yang lebih

baik apabila pendekatan pengajaran terbeza dilaksanakan oleh guru kerana pendekatan ini memenuhi gaya pembelajaran murid. Pencapaian akademik murid merupakan penanda tahap dan kemajuan pembelajaran murid. Maka, boleh dikatakan penguasaan murid yang baik dalam PdP merupakan ukuran keberkesanan guru berjaya mengaplikasikan pendekatan pengajaran terbeza.

Kesimpulannya, Guru Bahasa Melayu Tahap 1 bersedia mengamalkan pendekatan yang telah dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui PPPM 2013-2025 serta MoLIB. Cabaran utama yang dihadapi oleh guru ialah mereka berusaha dari segi penyampaian kandungan asas kurikulum kepada murid demi mencapai objektif pembelajaran. Kesemua peserta kajian juga telah mengamalkan pendekatan pengajaran terbeza yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman murid yang mempunyai pelbagai aras di dalam bilik darjah agar tiada seorang pun murid yang ketinggalan semasa PdP dijalankan. Kajian ini diharapkan dapat memperluas amalan pendekatan pengajaran terbeza dalam PdP Bahasa Melayu di samping mencapai matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## **6.2 Masalah Yang Dihadapi Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Melayu Tahap 1**

Hasil dapatan kajian menyatakan terdapat masalah yang dihadapi oleh guru. Antaranya ialah masalah sebelum melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza. Guru-guru Bahasa Melayu mengalami masalah dari segi penyediaan bahan bantu mengajar yang banyak. Hal ini demikian kerana penyediaan BBM memerlukan masa yang lama untuk sesebuah bilik darjah yang mempunyai kepelbagaian aras pembelajaran murid. Hujah ini disokong oleh Mohd Hanafi Mohd et al. (2007) yang menyatakan bahawa guru mengalami kekangan dalam menyediakan bahan bantu mengajar bagi sesebuah bilik darjah. Di samping itu, guru juga mengalami masalah semasa pendekatan pengajaran terbeza dijalankan di dalam bilik darjah. Antaranya ialah masa pengajaran yang tidak mencukupi untuk membimbing murid aras rendah dan aras sederhana.

Masalah seterusnya ialah jumlah murid yang ramai dalam sesebuah kelas menjadi cabaran bagi guru Bahasa Melayu menggunakan pendekatan ini. Hal ini demikian kerana guru perlu meneliti keperluan murid yang berbeza dan bilangan murid yang terlalu ramai akan menghalang guru untuk memilih pendekatan terbeza. Tuntasnya, guru-guru yang mengamalkan pengajaran berbeza mengalami kesukaran dan menyatakan pandangan bahawa ia memerlukan masa dan usaha untuk melaksanakan pengajaran berbeza dalam amalan sekolah. Namun begitu, sikap guru amat positif dan bersemangat dan mereka menyatakan hasrat untuk melihatnya berterusan dan berkembang (Maria S. & Polyxeni, 2019). Berdasarkan transkripsi temu bual, keenam-enam peserta kajian menyatakan refleksi atau tindakan guru selepas pendekatan pengajaran terbeza diaplikasikan dalam PdP Bahasa Melayu. Maka, sebagai guru perlulah menambah baik perancangan PdP Bahasa Melayu demi kemenjadian murid selain menjadikan proses pembelajaran yang kondusif dan bermakna (Kama Shaffeei, Abdul Rahim & Shamsul Rizal, 2019).

## **7. Implikasi Kajian**

Pendekatan pengajaran terbeza bukanlah sesuatu yang baharu dalam pendidikan di luar negara. Kesediaan guru dalam mengetahui, melaksanakan dan mengatasi masalah yang bakal dihadapi perlu diberi perhatian semasa mengaplikasikan pendekatan pengajaran terbeza ini. Hasil dapatan kajian ini telah mendapat gambaran awal berkaitan dengan amalan dan masalah guru Bahasa Melayu Tahap 1 dalam melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB di sekolah rendah kebangsaan. Kajian ini akan mewujudkan implikasi terhadap

beberapa pihak yang berperanan penting dalam dunia pendidikan di Malaysia terutamanya guru pelatih Bahasa Melayu, guru Bahasa Melayu sekolah rendah kebangsaan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **7.1 Guru Pelatih Bahasa Melayu**

Kajian yang dijalankan ini akan memberi manfaat kepada guru-guru pelatih mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru-guru pelatih khususnya mata pelajaran Bahasa Melayu perlulah diberi pendedahan tentang pendekatan pengajaran terbeza secara holistik di Institut Pendidikan Guru agar guru-guru pelatih dapat menguasai pendekatan pengajaran terbeza pada tahap yang tinggi sebelum berkhidmat di sekolah-sekolah seluruh negara.

### **7.2 Guru Bahasa Melayu**

Kajian yang dijalankan ini akan memberi manfaat kepada semua warga pendidik khususnya guru Bahasa Melayu sekolah rendah kebangsaan. Dapatan kajian ini didapati bahawa amalan dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Tahap 1 dalam melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB di sekolah rendah kebangsaan pada tahap yang tinggi. Guru haruslah bijak merancang dan menentukan corak pengajaran supaya hasil pembelajaran pada hari tersebut tercapai mengikut kemampuan murid (Danial Arif, 2020). Guru perlulah bersikap adil dan memberi akses yang saksama kepada murid-murid pelbagai aras kemampuan supaya mereka berani berkomunikasi dan menyuarakan pendapat mereka dengan bimbingan guru. Selain itu, guru seharusnya menguasai bidang pengajaran yang diajar bagi memastikan PdP berjalan lancar dan bermakna. Selain itu, guru seharusnya sentiasa meningkatkan pengetahuan diri terutama berkaitan dengan kurikulum dan pedagogi mata pelajaran yang diajar. Dapatan kajian ini juga merupakan gambaran awal berkaitan guru Bahasa Melayu Tahap 1 yang mengajar murid-murid menggunakan MoLIB.

### **7.3 Pejabat Pendidikan Daerah**

Bagi Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuching khasnya perlu menitikberatkan kajian yang dijalankan oleh para pengkaji berkaitan dengan pendekatan pengajaran terbeza. Hal ini demikian kerana pelbagai kajian dijalankan oleh guru-guru bagi meningkatkan kualiti pendidikan di Sarawak. Perkara ini penting kerana kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan gambaran sebenar dunia pendidikan serta menjadi rujukan buat warga pendidik. Sebagai contoh, melalui kajian ini, amalan dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Tahap 1 dalam melaksanakan pendekatan pengajaran terbeza berpandukan MoLIB di sekolah rendah kebangsaan pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, kursus anjuran PPD Kuching perlu diperluaskan dalam kalangan guru Bahasa Melayu bagi memberi pendedahan yang maksimum kepada semua guru Bahasa Melayu khususnya agar kualiti pendidikan di Sarawak semakin meningkat.

### **7.4 Jabatan Pendidikan Negeri**

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) juga mendapat implikasi yang positif. Kajian ini memfokuskan kepada aspek pedagogi guru. Maka, pembangunan profesionalisme dan perkongsian amalan baik dari pelbagai pihak berkaitan dengan pendekatan pengajaran terbeza dapat diperluaskan di peringkat negeri Sarawak.

## **8. Kesimpulan**

Kajian ini secara keseluruhannya telah membuktikan bahawa guru mulai mengaplikasikan pendekatan pengajaran terbeza semasa mengajar di bilik darjah. Hal ini bermakna, guru Bahasa Melayu sentiasa bersedia menghadapi apa-apa situasi atau perubahan ketara dalam dunia

pendidikan terutama sekali apabila pemansuhan ujian peperiksaan bagi sekolah rendah dan wujudnya PBD. Tuntasnya, pendekatan pengajaran terbeza merupakan satu pendekatan pengajaran yang sesuai dalam sistem pendidikan negara walaupun di Sarawak pendekatan ini agak baharu bagi tahun 2023. Walau bagaimanapun, guru Bahasa Melayu sentiasa proaktif dalam memilih, merancang dan melaksana pendekatan pengajaran demi meningkatkan kualiti pengajaran. Justeru itu, guru sememangnya bersedia menerima perubahan positif agar murid-murid mendapat impak yang berkesan dan bermakna.

## Rujukan

- Abd. Khahar Saprani, Hapsah Majid, Zanariah Ibrahim & Lokman Abd Wahid. (2018). Pedagogi Terbeza: Keadilan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 11*.
- Abdul Razaq Ahmad, Ahamad Rahim, Ahmad Ali Seman & Mohamad Johdi Salleh. (2010). Malaysian Secondary School History Curriculum and Its Contribution Towards Racial Integration. *Procedia-Social and Behavioral Sciences. Vol 7*.
- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap Pengetahuan dan Kesiapan Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Pendekatan Terbeza Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol 11 (1)*.
- Danial Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Yang Mengajar Di Sekolah Rendah Pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol 10 (2)*.
- Dixon, F. A., Yssel, N., McConnell, J.M. & Hardin T. (2014). Differentiated Instruction, Professional Development and Teacher Efficacy. *Journal for the Education of the Gifted. Vol. 37(2)*.
- Geviana Gladys George & Nurfaradilla Mohamad. (2021). Pendekatan Pengajaran Terbeza: Pengetahuan dan Amalan Guru Kelas Bercantum di Sekolah Kurang Murid (Kajian Literatur Sistematis). *Jurnal Dunia Pendidikan, 3(2)*, 484-494.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2020). Modul latihan intervensi berfokus & terbeza (MoLIB). Cyberjaya.
- Kama Shaffeei, Abdul Rahim Razalli, Shamsul Rizal Khalil. (2019). Tahap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas di Malaysia. Seminar Amalan Terbaik PdPc. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Maria S. & Polyxeni, M. (2019). Prospective Kindergarten and Primary School Teachers' Attitudes and Beliefs on Differentiated Teaching During Their Teaching Practice. *Journal of Advanced Research in Social Sciences*.
- Mohd Asnorhisham Adam. (2017). Pendekatan Pengajaran Secara Berkumpulan Dalam Program Pemulihan Khas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol 7 (1)*.
- Mohd Hanafi Mohd Yasin, Hasnah Toran, Mohd Mokhtar Tahar & Sazali Abd Hamid. (2007). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Murid-Murid Pemulihan Khas. *Conference Majlis Guru Pendidikan Khas*.
- Mohd Izani Hashim & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2020). Faktor Ketidaksiapan Guru Terhadap Pelaksanaan Kelas Bercampur Aras Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan. Vol 2 (2)*.

- Ng Lee Ching, Hazura Abdul Rahim & Zubaidah Salamat. (2020). Tahap Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21): Satu Kajian Kes. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Vol 33 (1).
- Nurahimah Mohd Yusof, Mohd Izam Ghazali & Mohd Isha Awang. (2017). Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar dan Masalah Yang Dihadapi Guru-Guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 599–608.
- Roa'ani Mohamed & Nor Rul Azlifah Zulkafali. (2021). Keberkesanan Pendekatan Pedagogi Terbeza (PPT) Dalam PdPc Bahasa Melayu Kelas Peralihan: Satu Kajian Tindakan di Sebuah Sekolah di Kuantan. *Journal of Science and Management Research*, 68–86.
- Tomlinson, C. A. (1999). Differentiation of instruction in the elementary grades. ERIC Digest. ERIC Clearinghouse on Elementary and Early Childhood Education.
- Tulbure, C. (2011). *Do Different Learning Styles Require Differentiated Teaching Strategies?* *Procedia Social and Behavioral Sciences*.
- Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi dan Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru Prasekolah: Satu Tinjauan Awal. *Borneo International Journal*. Vol 4(3), 9-18.
- Santangelo, T., & Tomlinson, C. A. (2009). The Application of Differentiated Instruction in Postsecondary Environments: Benefits, Challenges and Future Directions. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 20(3), 307-323.
- Siti Aishah Hassan & Che Suriani Kiflee. (2018). Kaedah Pengajaran Keterbezaan Dalam Pendidikan Pintar Dan Berbakat. *E-Journal Education 7<sup>th</sup> Edition*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2018). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ziernwald, L., Hillmayr, D. & Holzberger, D. (2022). Promoting High-Achieving Students Through Differentiated Instruction in Mixed-Ability Classrooms-A Systematic Review. *Journal of Advanced Academics*. Vol 33 (4).